

INSTITUSI HISBAH DAN PENGAWASANNYA TERHADAP AKTIVITI MUAMALAT

Hamidi b. Abdul Ghani¹
Ahmad Mujahideen b. Haji Yusoff²

Abstrak

Institusi Hisbah merupakan salah satu institusi yang mempunyai peranan besar dalam Islam untuk memastikan segala suruhan Allah S.W.T dipatuhi dan segala larangan-Nya dijauhi dalam kehidupan seharian. Bidang tugas institusi ini amat luas sekali melibatkan seluruh aspek kehidupan manusia sama ada politik, sosial dan ekonomi. Tugas mengawasi aktiviti ekonomi dan muamalat adalah tugas teras dalam sejarah pertubuhan Institusi Hisbah kerana berpunca dari tugas ini, maka lahirlah hisbah dan tersemai sehingga bertambah peningkatan. Pada peringkat awal pertumbuhannya, kegiatan penguatkuasa hisbah tertumpu di pasar untuk mengawasi segala kegiatan urusniaga dan suasana pergaulan supaya tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Kemudian ia berkembang dan tugasnya menjadi semakin luas seiring dengan pesatnya penyebaran agama Islam dan timbulnya masalah-masalah baharu dalam masyarakat. Artikel ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang menggunakan metode pengumpulan data dan penganalisaan data. Artikel ini membincangkan Institusi Hisbah menurut perspektif Islam dan mengupas pengawasannya terhadap aktiviti muamalat sehingga melahirkan sistem ekonomi yang mantap dan direhui Allah S.W.T.

Kata Kunci: *Hisbah, Pengawasan, Muamalat*

¹ Hamidi b. Abdul Ghani, Pensyarah Jabatan al-Syariah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

² Ahmad Mujahideen b. Haji Yusoff (Ph.D), Pensyarah Jabatan Usuluddin, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.

PENDAHULUAN

Allah S.W.T menyuruh manusia melakukan kebaikan dan melarang mereka melakukan kejahanan. Allah S.W.T menjanjikan pahala dan syurga kepada pelaku kebaikan dan menjanjikan dosa dan neraka kepada pelaku kejahanan. Namun sebahagian manusia masih tidak dapat dipengaruhi hati mereka dengan janji-janji Allah S.W.T melalui al-Quran atau hadis Rasulullah S.A.W, bahkan mereka berterusan melakukan kejahanan dan mengabaikan kebaikan. Justeru, Islam telah menjadikan Institusi Hisbah sebagai satu institusi yang berkuasa secara rasmi untuk menarik manusia yang menyeleweng kembali mengikut jalan dan hukum Allah S.W.T sama ada untuk melakukan kebaikan atau menjauhi larangan-Nya. Institusi ini bertanggungjawab untuk mengawasi bidang yang luas iaitu soal politik dan pemerintahan sehingga kepada perkara ekonomi dan sosial.

DEFINISI AL-HISBAH

Hisbah dari segi bahasa Arab ialah kata terbitan (*masdar*) *iḥtisāb* yang bermakna pencarian pahala. *Iḥtisāb* pula mempunyai banyak makna antaranya ialah mencegah dan mentadbir.³ Disebut dalam hadis Rasulullah S.A.W:⁴

من صام رمضان إيماناً واحتساباً غفر له ما تقدم من ذنبه

Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan dengan keimanan dan mencari pahala, maka diampunkan dosanya yang lalu.

Dari segi istilah pula, pelbagai definisi telah diberikan oleh ulama untuk menerangkan makna hisbah. Menurut al-Māwardī⁵ dan Abū Ya'lā,⁶ hisbah ialah menyuruh melakukan yang baik apabila ternyata ditinggalkan dan mencegah kemungkaran apabila ternyata dilakukan. Sementara Ibn al-

³ Muḥammad b. Mukrim b. Manzūr (t.th), *Lisān al-‘Arab*, j. 1, Bayrūt: Dār Ṣādir, h. 314.

⁴ Muḥammad b. Ismā’īl al-Bukhārī (1987), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Kitāb al-Imān*, *Bāb Man Ṣāma Ramadān Iḥtisāban min al-Imān*, no. h. 38, j. 1, Bayrūt: Dār Ibn al-Kathīr, h. 22.

⁵ ‘Alī b. Muḥammad al-Māwardī (1410H), *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, Bayrūt, Dār al-Kitāb al-‘Arabi, h. 391.

⁶ Muḥammad b. al-Ḥusayn b. al-Farrā’ (1403H), *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, Bayrūt, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 284.

Ukhuwwah⁷ memberi definisi hisbah sama seperti al-Māwardī dan Abū Ya'lā, cuma ditambah mendamaikan sesama manusia.

Definisi yang diberikan oleh al-Māwardī dan ulama-ulama selepasnya adalah bersifat umum yang meliputi penguatkuasa hisbah yang dilantik dan petugas hisbah sukarela. Oleh kerana perbincangan ini tentang tugas hisbah secara rasmi, maka definisi yang diberikan oleh Ibn Khaldūn⁸ amat sesuai sekali iaitu hisbah sebagai tugas rasmi keagamaan yang termasuk dalam bab melakukan yang baik dan mencegah yang mungkar yang mewajibkan pemerintah melantik orang yang layak sebagai petugasnya untuk mencari perkara mungkar dan menghukumnya.

Walau bagaimanapun, definisi di atas masih boleh dikemaskini kerana tugas menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar juga dilakukan oleh institusi rasmi lain seperti Institusi Mažālim dan Institusi Kehakiman. Oleh kerana itu, Ibn Taimiyyah⁹ telah memberi definisi hisbah dengan menentukan batas menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar tidak dilakukan oleh jabatan lain. Pendapat Ibn Taimiyyah mempunyai persamaan sebagaimana yang diutarakan oleh al-Māwardī iaitu Institusi Hisbah tidak boleh dicampur aduk dengan institusi yang lain kerana hisbah berada dipertengahan antara Institusi Kehakiman dan Institusi Mažālim.

Kesimpulan dari definisi-definisi di atas, Institusi Hisbah ialah pengawasan secara rasmi oleh kerajaan dengan melantik pegawai-pegawai tertentu untuk mengawasi rakyat dalam urusan menyuruh melakukan perkara makruf yang jelas ditinggalkan dan mencegah perkara kemungkar yang jelas dilakukan dan bukan termasuk dalam institusi yang lain. Institusi ini amat penting sekali untuk menguatkuaskan keseluruhan hukum Islam kerana kewujudannya berdasarkan perintah syarak.

⁷ Muḥammad b. Muḥammad b. al-Ukhuwwah (1421H), *Ma'ālim al-Qurbah fi Aḥkām al-Ḥisbah*, Bayrūt, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 13.

⁸ 'Abd al-Rahmān b. Muḥammad b. Khaldūn (1413H), *Tārīkh Ibn Khaldūn*, j. 1, Bayrūt, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 237.

⁹ Aḥmad b. 'Abd al-Ḥalīm b. Taymiyyah (1418H), *al-Ḥisbah, al-Kuwayt*, Dār 'Ilāf al-Dawliyyah li al-Nashr wa al-Tawzī', h. 48.

DALIL PENSYARIATAN HISBAH

Terdapat banyak dalil tentang pensyariatan hisbah kerana secara umumnya setiap ayat al-Quran atau hadis Nabi S.A.W yang menyuruh menegakkan makruf dan melarang melakukan yang mungkar boleh dijadikan sebagai dalil atau bukti pensyariatannya. Antara ayat al-Quran yang menyebut tentang *amar ma'rūf* dan *nahi munkar* ialah firman Allah S.W.T:

﴿وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴾
(Āli-'Imrān 3: 104)

Dan hendaklah ada antara kamu puak yang menyeru kepada kebaikan dan menyuruh berbuat baik serta melarang daripada segala kemungkaran. Dan mereka yang bersifat demikianlah orang-orang yang berjaya.

Dalam ayat di atas, Allah S.W.T telah menjadikan punca kejayaan sesuatu kaum ialah melakukan kerja menyuruh orang ramai berbuat baik dan melarang daripada segala kemungkaran. Perkataan “hendaklah” membawa maksud kerja *amar ma'rūf* dan *nahi munkar* adalah satu kewajipan yang perlu dilaksanakan. Firman Allah S.W.T yang lain:

﴿كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءاْمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِنْهُمْ أُمُّوْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَسِيْقُونَ ﴾
(Āli-'Imrān 3: 110)

Kamu (wahai umat Muhammad) sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat yang baik dan melarang daripada segala perkara mungkar serta kamu perlu beriman kepada Allah. Sekiranya ahli kitab beriman tentulah itu lebih baik bagi mereka. Di antara mereka ada yang beriman namun kebanyakan mereka adalah orang-orang fasik.

Ayat di atas menjelaskan bahawa umat Muhammad S.A.W diberikan kemuliaan dan keistimewaan oleh Allah S.W.T sebagai umat yang terbaik selagi mereka patuh melaksanakan tiga dasar Islam yang

utama iaitu menyuruh berbuat kebaikan, melarang berbuat kejahanan dan beriman kepada Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T yang lain:

﴿وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَنَهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الْزَكَوةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ
وَرَسُولَهُ وَأُولَئِكَ سَيِّدُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ﴾ ٧١

(Al-Tawbah 9 :71)

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi sesetengah yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahanan, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Ayat ini menerangkan bahawa sifat orang-orang yang beriman yang sentiasa tololng-menolong dan bekerjasama sesama mereka untuk menegakkan perkara kebaikan dan mencegah perkara buruk. Selain dari ayat-ayat di atas mewajibkan umat Nabi Muhammad S.A.W melakukan kerja menyuruh berbuat baik dan mencegah daripada berbuat yang jahat, memberitahu punca untuk menjadi umat terbaik dan sifat-sifat orang beriman, terdapat juga ayat-ayat al-Quran lain yang menggambarkan bahawa umat dahulu diancam dengan kutukan dan lakan apabila mereka meninggalkan kerja hisbah iaitu mencegah orang ramai dari melakukan kejahanan. Firman Allah S.W.T:

﴿لِعْنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاؤُدَ وَعِيسَى اُبْنِ
مَرْيَمَ ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ۗ كَانُوا لَا يَتَنَاهُونَ عَنْ مُنْكَرٍ
فَعَلُوْهُ لَبِئْسٌ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ۗ﴾ ٧٩

(Al-Māidah 5: 78-79)

Orang kafir Yahudi daripada Bani Israil telah dilaknat melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa Ibni Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak melarang sesama sendiri daripada perbuatan yang jahat, demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang telah mereka lakukan.

Ayat al-Quran di atas merupakan ayat yang umum tentang hisbah yang meliputi penguatkuasa dan petugas hisbah sukarela. Sementara ayat yang menunjukkan kewajiban diwujudkan jabatan hisbah secara rasmi oleh pemerintah ialah firman Allah S.W.T:

﴿الَّذِينَ إِنْ مَكَّنُتُهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الْصَّلَاةَ وَأَتَوْا الْزَكَوَةَ وَأَمْرُوا

بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ﴾

(Al-Hajj 22 : 41)

Iaitu mereka (*umat Islam*) yang jika kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang, memberi zakat, menyuruh berbuat kebaikan serta melarang daripada melakukan kejahanan. Dan kepada Allah-lah kembali segala urusan.

Selain dalil daripada al-Quran, terdapat juga dalil daripada hadis Nabi S.A.W, antaranya ialah sabda Rasulullah S.A.W:¹⁰

من رأى منكم منكراً فليغیره بيده فإن لم يستطع فليسانه فإن لم يستطع
فقلبه وذلك أضعف الإيمان

Sesiapa antara kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah dia membetulkannya dengan tangannya, jika dia tidak mampu, hendaklah dengan lidahnya, jika dia tidak mampu, hendaklah dengan hatinya. Itulah selemah-lemah iman.

Hadis di atas memerintahkan sesiapa sahaja daripada kalangan orang beriman yang melihat sesuatu kemungkaran, maka hendaklah dicegah mengikut kemampuannya sama ada dengan tangan, lidah atau hatinya. Dalam hadis lain, Rasulullah S.A.W bersabda:¹¹

¹⁰ Muslim b. al-Hajjāj al-Qushayrī (1991), *Šaḥīḥ Muslim*, *Kitāb al-Īmān*, *Bāb Bayān Kawn al-Nahy ‘an al-Munkar min al-Īmān*, no. h. 186, j. 1, al-Qāhirah: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, h. 51.

¹¹ Muḥammad b. ‘Isā al-Tirmidhī (1417), *Sunan al-Tirmidhī*, *Kitāb al-Fitan*, *Bāb Mā Jāa fī al-Amr bi al-Ma’rūf wa al-Nahy ‘an al-Munkar*, no. h. 2169, j. 4, al-Riyād: Maktabat al-Ma’ārif, h. 468. Al-Tirmidhī mengatakan hadis ini *ḥasan*.

وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لِتَأْمُرُنَ بِالْمَعْرُوفِ وَلِتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ أَوْ لِيُوشْكِنَ اللَّهُ أَنْ يَبْعَثَ عَلَيْكُمْ عِقَابًا مِّنْهُ ثُمَّ تَدْعُونَهُ فَلَا يَسْتَجِابُ لَكُمْ

Demi diriku di bawah kekuasaanNya, hendaklah kamu menyuruh berbuat baik dan mencegah kemungkaran, atau jika tidak dilakukan, Allah akan menimpakan azab-Nya ke atas kamu, maka ketika itu doa kamu tidak akan diperkenankan.

Hadis di atas merupakan ancaman terhadap masyarakat yang meninggalkan kerja *amar ma'rūf* dan *nahi munkar* dengan pelbagai ancaman.

HUKUM HISBAH

Berusaha untuk menegakkan *ma'rūf* dan meninggalkan *munkar* merupakan asas hisbah yang wajib ke atas kita semua. Ulama berpendapat bahawa hisbah merupakan fardu kifayah. Apabila dilaksanakan oleh sebahagian daripada manusia, maka kewajipan tersebut akan terlepas daripada tanggungan orang lain. Tujuan hisbah ialah hendaklah dilaksanakan dalam masyarakat tanpa mengira siapakah yang melaksanakannya. Walaupun demikian, hukum fardu kifayah ini akan menjadi fardu ain jika tidak ada orang lain yang boleh melaksanakannya, dan begitulah juga menjadi fardu ain jika pemerintah telah melantik seseorang sebagai orang yang ditugaskan melaksanakan hisbah ini.¹²

RUKUN HISBAH

Rukun Hisbah terdiri dari empat perkara iaitu:

- (1) *Muhtasib*
- (2) *Muhtasab 'alayh*
- (3) *Muhtasab fih*
- (4) *Ihtisāb*

Muhtasib ialah penguatkuasa hisbah yang dilantik untuk menjalankan bidang tugas hisbah yang dikenali sebagai *muhtasab fih*.

¹² Mahmud Saedon A. Othman (1993), *Institusi Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 190.

Muhtasab ‘alayh pula adalah orang yang dikenakan tindakan hisbah dan bidang kuasa hisbah yang dikenali sebagai *ihtisāb*.

KELAYAKAN PENGUATKUASA HISBAH

Ulama telah membincangkan perkara ini dengan panjang lebar dan dapat disimpulkannya seperti berikut:

- i. *Muhtasib* hendaklah seorang mukallaf kerana orang yang tidak mukallaf tidak wajib memberikan arahan dan juga tidak wajib menunaikan suruhan agama (*taklīf*) ke atasnya. Seseorang mukallaf itu hendaklah baligh dan berakal. Walaupun demikian, menegakkan *ma'rūf* dan mencegah *munkar* untuk melaksanakan kehendak hisbah harus dilakukan oleh orang yang berakal walaupun tidak baligh seperti kanak-kanak mumaiyiz. Ini bermakna sebagai *muta'tawwi'* boleh dan harus dilakukan oleh kanak-kanak mumaiyiz tetapi *muhtasib* tidak boleh dilantik kerana *muhtasib* hendaklah mukallaf.
- ii. *Muhtasib* hendaklah seorang muslim kerana hisbah ini bertujuan untuk memperkuatkan agama, menegakkan *ma'rūf* dan mencegah *munkar* sedangkan orang bukan Islam tidak berusaha ke arah untuk memperkuatkan Islam kerana mereka pada asasnya telah menolak Islam.
- iii. *Muhtasib* hendaklah dilantik oleh pemerintah tetapi jika seseorang itu menjalankan kehendak hisbah tanpa lantikan pemerintah, bolehlah dia berbuat demikian atas dasar sukarela dan dinamakan *muta'tawwi'*.
- iv. Seseorang *muhtasib* hendaklah bersifat adil sebagai syarat pelantikan. Tanpa sifat ini seseorang itu tidak akan dapat melaksanakan tugasnya dengan baik. Walau bagaimanapun, ada juga ulama yang tidak mensyaratkannya.
- v. *Muhtasib* hendaklah seorang yang berilmu kerana tanpa ilmu dia tidak akan dapat melaksanakan tugasnya dengan baik. Dengan menguasai ilmu, dia akan yakin perkara yang dikeji oleh syarak yang perlu dicegah dan perkara-perkara yang dianggap baik oleh syarak yang perlu ditegakkan. Walau bagaimanapun, ulama berselisih pendapat adakah *muhtasib* disyaratkan berilmu sampai ke taraf *mujtahid* atau tidak. Jika disyaratkan ke taraf *mujtahid*, maka akan menjadi sukar untuk melantik *muhtasib*. Ada kalanya seseorang *muhtasib* itu

dikehendaki mengetahui ilmu-ilmu tertentu bagi bidang yang khusus. Walau bagaimanapun, ini bergantung pada bentuk tugas mereka.

- vi. Berkemampuan menjalankan tugas meliputi kemampuan dari pelbagai aspek seperti kesihatan tubuh badan. Syarat ini boleh diperluaskan untuk mencakupi pelbagai aspek yang diperlukan dalam melaksanakan tugas hisbah yang meliputi bidang yang luas. Ini kerana ada kalanya tugas *muhtasib* memerlukan kepetahan bercakap, kecekalan hati, keberanian bertindak, ketangkasan dan kecekapan melakukan sesuatu tindakan dan keputusan.¹³

ORANG YANG DIKENAKAN TINDAKAN HISBAH

Orang yang diambil tindakan hisbah ke atasnya disyaratkan telah melakukan perbuatan yang dicela oleh syarak sama ada melakukan *munkar* yang jelas atau meninggalkan *ma'rūf* yang jelas walaupun perbuatannya itu tidak menjadi maksiat menurut pandangan syarak. Oleh yang demikian, tidak disyaratkan dia seorang yang berakal dan baligh. Sebagai contoh orang gila, jika dia menunjukkan tanda-tanda untuk melakukan zina, maka wajib diambil tindakan hisbah ke atasnya agar dia tidak melakukan zina. Kanak-kanak yang mumaiyiz atau yang tidak mumayyiz jika meminum arak atau cuba meminum arak, maka wajib diambil tindakan hisbah ke atasnya agar dia tidak meminum arak. Kedua-dua contoh tadi iaitu perbuatan orang gila dan kanak-kanak tidak dikira sebagai melakukan maksiat dan berdosa walaupun ia perlu dicegah oleh *muhtasib*.¹⁴

BIDANG KUASA PENGUATKUASA HISBAH DAN KAEDAH PELAKSANAANNYA

Bidang kuasa hisbah atau pelaksanaan tindakannya mempunyai beberapa cara, antaranya ialah:

- i. Memberikan bimbingan, teguran dan peringatan (*al-tanbīh wa al-tawbīkh wa al-tadhkīr*). Tindakan ini ditujukan kepada sesiapa yang jahil tentang kesalahan yang dilakukan dan ke atas sesiapa yang bodoh

¹³ *Ibid.*, h. 194.

¹⁴ ‘Abd al-Karīm Zaydān (1990), *Dirāsāt fī al-Ḥisbah min Nāḥiyatayn: al-Tārīkhīyyah wa al-Fiqhiyyah*, al-Qāhirah: al-Maṭba’ah al-Islāmiyyah al-Hadīthah, h. 27.

dan memerlukan penjelasan. Contohnya ialah orang yang tidak sedar tentang pembabitan beliau dalam kegiatan mengamalkan riba dalam urus niaganya.

- ii. Memberikan nasihat dan mengenakan ugutan dan ancaman (*al-wa'ż wa al-tahdīd wa al-tahkwīf*). Langkah ini dikenakan terhadap sesiapa yang mengetahui dan menyedari kesalahan dan kemungkaran yang dilakukannya. Mereka ini perlu dinasihati dan diberi amaran serta peringatan tentang pembalasan daripada Allah S.W.T.
- iii. Mengeluarkan kata-kata pedas yang mencela, mengutuk dan mengherdik (*al-zajr wa al-ta'ni'b wa al-taqri' bi al-lisān*). Sikap ini ditujukan kepada sesiapa yang tidak mengendahkan nasihat dan amaran secara lembut.
- iv. Menggunakan tangan (*al-taghyīr bi al-yadī*). Tindakan menggunakan tangan ini bukanlah bermaksud memukul tetapi cara menggunakan tangan sekiranya perlu seperti menumpahkan arak yang sedang diminum, mencabut baju sutera daripada lelaki yang memakainya, merosakkan tempat hiburan yang melalaikan orang ramai, memusnahkan buku-buku yang menyesatkan, membuang tanda salib yang digantungkan pada anggota badan, memulangkan harta orang yang dirampas, menghalau penghuni keluar dari rumah yang dimiliki secara tidak sah dan seumpamanya.
- v. Menggunakan sebatan dan menahan (*al-jild wa al-habs*). Ini dilakukan sekiranya ugutan dan herdikan tidak menghentikan yang bersalah daripada mengulangi kesalahannya ataupun pesalah sengaja menunjukkan dengan nyata kesalahan yang dilakukan tanpa cuba menghormati larangan yang ditetapkan seperti mengulangi makan secara terbuka pada bulan Ramadan, mendedahkan aurat anggota badan dan meminum minuman keras secara nyata. Kesemuanya dilakukan tanpa segan dan silu di khalayak ramai.
- vi. Menggunakan khidmat daripada pembantu. Ini perlu dilakukan sekiranya orang yang melanggar undang-undang itu orang yang gagah dan cuba melawan dengan menggunakan kekerasan.
- vii. Mengenakan pelbagai bentuk hukuman *al-ta'zīr*. Hukuman *al-ta'zīr* ini boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk sama ada memukul, memenjarakan, menyingkirkan, merosakkan, mengisyiharkan kesalahan pesalah di khalayak ramai (*al-tasyhīr*) ataupun membunuhnya. Kuasa *al-ta'zīr* ini bergantung kepada budi bicara

muhtasib dan hukuman yang dijatuhkan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Menjatuhkan hukuman bunuh yang diizinkan di bawah *al-ta’zir* bagi kesalahan bukan hudud dan bukan qisas dengan alasan menjaga kemaslahatan umum dan apabila kejadian seseorang tidak dapat dihentikan melainkan dengan dibunuh seperti orang yang melakukan jenayah sebagai kebiasaannya sehingga mengganggu keselamatan awam, orang yang menjadi pengintip bagi pihak musuh dan orang yang melakukan kegiatan yang memecahbelahkan masyarakat Islam.¹⁵

BIDANG TUGAS PENGUATKUASA HISBAH

Imam al-Māwardī telah membahagikan bidang tugas penguatkuasa hisbah secara umum kepada dua bahagian:

- i. Menegak dan menyeru kepada *ma’rūf* yang meliputi perkara yang berhubung dengan hak Allah S.W.T, hak manusia dan campuran di antara hak kedua-duanya.
- ii. Mencegah kemungkaran yang meliputi perkara yang berhubung dengan hak Allah S.W.T, hak manusia dan hak kedua-duanya.

Sementara secara khusus dan untuk memudahkan pembahagian bidangkuasa dan fungsi penguatkuasa hisbah ini boleh dikelompokkan mengikut bidang pengkhususan seperti berikut:

- a. Mengawasi perkara-perkara yang bersangkutan dengan ibadat. Fungsi ini meliputi tanggungjawab menjamin para penganut Islam supaya beriltizam ketika menjalankan kerja-kerja ibadat seperti sembahyang Jumaat, sembahyang berjemaah, sembahyang hari raya, mengerjakan puasa pada bulan Ramadan dan mengeluarkan zakat. Apabila terdapat orang yang ingkar daripada menyempurnakan perintah Allah S.W.T, maka *muhtasib* bertindak membetulkan dan menasihati mereka. *Muhtasib* berhak mencegah orang yang jahil yang ingin mengembangkan ajaran agama yang menyeleweng dan mengajarkan unsur-unsur bid’ah. Bahkan *muhtasib* bertanggungjawab memerangi kegiatan ajaran salah yang bertujuan memesongkan akidah para penganut Islam. *Muhtasib* juga berfungsi mengawasi para imam,

¹⁵ Auni b. Haji Abdullah (2000), *Hisbah dan Pentadbiran Negara*, Kuala Lumpur: IKDAS, h. 88.

tukang azan dan kadi yang gagal menyempurnakan tugas mereka dengan baik dan berkesan.

- b. Mengawasi kelakuan budaya pergaulan dan adab sopan orang ramai. Fungsi ini tertumpu pada langkah mengawal orang ramai supaya mematuhi akhlak yang diajarkan oleh Islam. Melibatkan pengawasan ke atas suasana pergaulan antara jantina di tempat-tempat awam seperti tempat mandi awam, cara berpakaian supaya menutup aurat dan memakai pakaian yang diharamkan iaitu kain sutera bagi kaum lelaki. Termasuk di sini juga ialah cara layanan orang kaya atau yang berkuasa terhadap para pekerjanya supaya tidak berlaku penindasan. Selain daripada itu, *muhtasib* juga berfungsi mengawasi amalan-amalan yang jelek seperti berjudi dan berpeleseran dengan pelacur, menindas orang kafir, menzalimi binatang-binatang ternakan dan menyeksa kanak-kanak.
- c. Menjamin kebersihan dan memelihara kesihatan awam. Fungsi mengawal kebersihan ini meliputi kebersihan tempat awam dan kebersihan makanan yang dijual. Kebersihan tempat awam ini termasuklah tempat-tempat mandi awam, tandas awam, jalan raya dan parit. Kebersihan makanan pula merangkumi kedai makan dan para pekerjanya selain daripada makanan yang dihidangkan. Ini meliputi kebersihan pembuat roti, penjual ikan, penyembelih haiwan, penjual kuih-muih, minuman dan lain-lain lagi. Mengenai tanggungjawab menjaga kesihatan awam pula, *muhtasib* ditugaskan mengawasi kegiatan-kegiatan doktor dan ahli farmasi. Kegiatan doktor ini meliputi semua bidang kepakaran seperti pakar bedah, pakar tulang, doktor mata dan seumpamanya. *Muhtasib* perlu memastikan layanan baik diberikan kepada pesakit dan tiada kecuaian berlaku sehingga memudaratkan pesakit atau membawa maut.
- d. Menyelia kedudukan bangunan dan keselesaan jalan raya. Fungsi ini tertumpu pada tanggungjawab memelihara kepentingan awam supaya kemudahan jalan raya dapat digunakan dengan berkesan dan kegiatan mendirikan bangunan oleh para individu tidak mengganggu keselesaan orang ramai. Oleh itu, setiap halangan yang dapat menjelaskan kelincinan lalu lintas di jalan raya perlu dibanteras oleh *muhtasib*. Begitu jugalah halnya dengan setiap perbuatan para individu yang membina apa jua bangunan dan keperluan peribadinya yang mengganggu jiran dan menyusahkan orang ramai. Bangunan itu boleh dirobohkan oleh *muhtasib*.

- e. Mencegah penindasan dan penganiayaan terhadap golongan yang lemah. Fungsi ini bertujuan menegakkan keadilan dan melindungi hak asasi manusia serta menegaskan tiada bezanya manusia itu di sisi Allah S.W.T. Semasa memenuhi pelaksanaan fungsi ini, *muhtasib* perlu mengawasi majikan dan golongan usahawan supaya memberikan layanan yang saksama kepada para pekerjanya. *Muhtasib* perlu bertindak agar tidak berlaku sebarang unsur penindasan dan pemerasan terhadap para pekerja oleh pihak majikan. Tindakan pemerasan terhadap pekerja dari segi bayaran upah, bebanan kerja dan kekasaran layanan perlu dihentikan oleh *muhtasib*. *Muhtasib* bertanggungjawab memastikan golongan fakir miskin tidak terbiar tanpa perlindungan. *Muhtasib* perlu mencari jalan meringankan beban penderitaan mereka termasuklah mencari bantuan daripada orang kaya.
- f. Mengawasi perjalanan kilang-kilang perusahaan dan kemahiran serta mengawal mutu hasil pengeluaran. Fungsi ini menekankan tanggungjawab *muhtasib* supaya meninjau dan mengawasi segala aspek yang berkaitan dengan kegiatan kilang-kilang perusahaan. Dalam usaha menjalankan tugas ini, *muhtasib* biasanya dibantu oleh para pembantu yang pakar dalam satu-satu jenis perusahaan dan mendapat kerjasama daripada kesatuan-kesatuan yang mewakili pelbagai bidang pengkhususan kerja. Selain menjamin keselamatan pekerja itu, *muhtasib* juga perlu memastikan pihak majikan supaya memberikan perhatian utama kepada soal menjamin kualiti barang-barang pengeluaran. Soal ini bergantung kepada kualiti bahan mentah dan kualiti para pekerja. Oleh sebab itu, menjadi tugas utama majikan menentukan hanya pekerja mahir dan berakhhlak mulia sahaja yang diambil bekerja.
- g. Mengawasi tingkah laku guru terhadap anak didik. Fungsi ini jelas mencerminkan keprihatinan institusi hisbah dalam aspek kehidupan yang tidak kurang pentingnya iaitu aspek pendidikan. Merujuk hal ini, pendidikan kanak-kanak diberikan keutamaan memandangkan pentingnya pendidikan peringkat awal dalam pembinaan peribadi insan. Soal keperibadian guru amat diberi keutamaan. Dalam menjalankan fungsi ini, *muhtasib* perlu memastikan supaya guru bersifat jujur, amanah, sudah berkahwin dan menghafaz surah-surah al-Quran yang pendek. Guru perlu bersifat lemah-lembut dengan kanak-kanak dan mampu mengajar surah-surah al-Quran yang pendek. Guru perlu berupaya mendidik kanak-kanak supaya tahu menghormati ibu bapa mereka. Guru diharuskan memukul kanak-kanak secara sederhana

sekiranya mereka melakukan kesalahan atau berkelakuan buruk. Namun para guru ditegah daripada mendera murid.¹⁶

Apa yang disebut di atas hanyalah sebahagian dari tugas penguatkuasa hisbah sahaja. Sedangkan pada hakikatnya ia lebih luas daripada itu dan mencukupi hak Allah S.W.T, hak manusia dan campuran hak kedua-duanya.

PENUTUP

Hasil perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa Institusi Hisbah merupakan salah satu institusi yang mempunyai peranan besar untuk memastikan segala suruhan Allah S.W.T ditaati dan larangan-Nya dijauhi dalam kehidupan seharian yang melibatkan bidang tugas yang amat luas meliputi pelbagai aspek. Institusi ini akan memastikan undang-undang Islam dipatuhi dan menghukum orang yang didapati bersalah. Pengawasan Institusi Hisbah terhadap aktiviti ekonomi dan muamalat telah dimulakan sejak zaman Rasulullah S.A.W yang mana Baginda S.A.W sendiri telah meninjau perjalanan aktiviti pasar dengan memeriksa, melihat tingkah laku dan amalan peniaga di pasar. Semasa melakukan kerja-kerja pengawasan ini, penguatkuasa hisbah mestilah berusaha untuk menentukan tiadanya kegiatan yang bertentangan dengan syariah dalam semua aktiviti ekonomi dan menangani pelbagai masalah ekonomi untuk menjamin keadilan dan keseimbangan.

Justeru, dicadangkan supaya tanggungjawab Institusi Hisbah ini dimainkan oleh satu badan induk atau suruhanjaya yang akan mengawasi semua aspek kehidupan manusia dan bukan diasingkan pada aspek tertentu. Orang yang akan mengetuai institusi itu mestilah seorang ilmuwan Islam yang mempunyai jiwa *rabbāni*. Pelantikan penggerusi suruhanjaya itu hendaklah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong. Ini bertujuan untuk menjamin bahawa penggerusi suruhanjaya itu akan mendapat kebebasan di dalam menjalankan tugasnya dan tidak terikat dengan mana-mana kementerian. Penggerusi suruhanjaya ini akan bertanggungjawab melaporkan segala aktiviti dan tindakannya kepada sidang parlimen pada setiap tahun. Diharapkan dengan penubuhan suruhanjaya tersebut dapat digerakkan oleh pihak kerajaan dengan kadar segera supaya konsep *amar ma'rūf* dan *nahi munkar* dapat dilaksanakan dengan penuh berkesan. Mudah-mudahan dengan pelaksanaan konsep itu,

¹⁶ ‘Alī b. Muḥammad al-Māwardī (1410H), *op. cit.*, h. 394. Lihat juga Auni b. Haji Abdullah (2000), *op. cit.*, h. 108.

negara kita akan menjadi negara seperti disebut dalam al-Quran “*Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafūr*”.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran.

‘Abd al-Karīm Zaydān (1990), *Dirāsāt fī al-Hisbah min Nāhiyatayn: al-Tārīkhīyyah wa al-Fiqhiyyah*, al-Qāhirah: al-Maṭba’ah al-Islāmiyyah al-Hadīthah.

‘Abd al-Rahmān b. Muḥammad b. Khaldūn (1413H), *Tārīkh Ibn Khaldūn*, Bayrūt, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Aḥmad b. ‘Abd al-Ḥalīm b. Taymiyyah (1418H), *al-Hisbah, al-Kuwayt*, Dār ‘Ilāf al-Dawliyyah li al-Nashr wa al-Tawzī’.

‘Alī b. Muḥammad al-Māwardī (1410H), *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, Bayrūt, Dār al-Kitāb al-‘Arabi.

Auni b. Haji Abdullah (2000), *Hisbah dan Pentadbiran Negara*, Kuala Lumpur: IKDAS.

Mahmud Saedon A. Othman (1993), *Institusi Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muḥammad b. al-Ḥusayn b. al-Farrā’ (1403H), *al-Aḥkām al-Sultāniyyah*, Bayrūt, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Muḥammad b. ‘Isā al-Tirmidhī (1417), *Sunan al-Tirmidhī*, al-Riyād: Maktabat al-Ma’ārif.

Muḥammad b. Ismā’īl al-Bukhārī (1987), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Bayrūt: Dār Ibn al-Kathīr.

Muḥammad b. Muḥammad b. al-Ukhuwwah (1421H), *Ma’ālim al-Qurbah fī Aḥkām al-Hisbah*, Bayrūt, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Muḥammad b. Mukrim b. Manzūr (t.th), *Lisān al-‘Arab*, Bayrūt: Dār Ṣādir.

Muslim b. al-Hajjāj al-Qushayrī (1991), *Šaḥīḥ Muslim*, al-Qāhirah: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.